HUSSAIN IBRAHIM & SATU LAGI A

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU B
KAMARDIN HASHIM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 41S-75-2009]
22 OKTOBER 2010

KASTAM DAN EKSAIS: *Duti kastam - Tuduhan - Cubaan mengelak larangan eksport barangan yang dilarang pengeksportannya - Rayuan - Penyeludupan matawang Malaysia dan matawang asing - Sama ada intipati utama pertuduhan dibuktikan - Sama ada anggapan-anggapan di bawah s. 119 dan s. 135(2) Akta Kastam 1967 terpakai - Sama ada persubahatan dibuktikan - Sama ada niat curang boleh dibuat inferen daripada keseluruhan fakta - Sama ada pembelaan satu pemikiran terkemudian - Akta Kastam 1967, ss. 135(1)(g), (g)(iii)(aa), 139* C D

Perayu kedua telah dituduh atas kesalahan cubaan mengelak larangan eksport barangan yang dilarang pengeksportannya di bawah s. 135(1)(g) Akta Kastam 1967 ("Akta tersebut") yang boleh dihukum di bawah s. 135(1)(g)(iii)(aa) Akta tersebut. Perayu pertama telah dituduh atas kesalahan bersubahat dengan perayu kedua dalam melakukan kesalahan yang sama, iaitu satu kesalahan di bawah s. 139 Akta tersebut. Perayu kedua dikatakan telah cuba menyeludup matawang Malaysia dan matawang asing dari Johor Bahru ke Singapura dengan menggunakan motosikal. Perayu kedua telah ditangkap di laluan lorong eksport selepas pondok Kastam, di Tambak Johor. Semasa perayu kedua ditahan, pihak Kastam telah menjumpai satu bungkusan plastik berwarna merah (P34) dari dalam kotak hitam di bahagian belakang motosikal tersebut. Apabila ditanya tentang kandungan dalam P34 tersebut, perayu kedua dengan bersahaja menjawab "ada kain". Setelah diperiksa, didapati P34 mengandungi matawang yang diseludup. Pada hari yang sama, perayu pertama bersama-sama dengan peguamnya telah pergi ke pejabat Kastam dan memberitahu pegawai di sana bahawa beliau telah tersilap menyerah bungkusan kepada perayu kedua yang sepatutnya membawa satu bungkusan yang mengandungi barang makanan dan kain ke Singapura. Perayu pertama menyerahkan satu bungkusan plastik merah mengandungi makanan dan kain (P49) tersebut kepada pegawai tersebut. Di akhir perbicaraan, Majistret mendapati bahawa intipati utama pertuduhan terhadap perayu kedua telah dibuktikan. Perayu-perayu telah disabitkan dan dikenakan hukuman denda setiap seorang RM850,000 jika gagal 18 bulan penjara. Perayu-perayu telah merayu terhadap sabitan dan E F G H I

A hukuman atas alasan bahawa pihak pendakwaan telah gagal: (i) untuk membuktikan intipati utama pertuduhan iaitu bahawa matawang seperti di dalam pertuduhan adalah matawang yang sah (legal tender); (ii) untuk membuktikan bahawa perayu-perayu ada niat untuk cuba mengelakkan larangan eksport ke atas matawang yang dirampas; dan (iii) untuk
B membuktikan perayu pertama telah bersubahat dengan perayu kedua.

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Setelah dibuktikan perayu kedua mempunyai dalam milikannya matawang yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan di tempat
C beliau ditahan, secara automatik anggapan-anggapan di bawah s. 119 dan s. 135(2) Akta tersebut terpakai. Anggapan-anggapan ini dapat membantu pihak pendakwaan dalam membuktikan satu kes *prima facie* terhadap seseorang tertuduh; *PP v. Lee Wye Kheng* (diikuti); *PP v. Koo Cheh Yew & Anor* (dirujuk); *PP v. Hoe Chin Soon*
D (dirujuk); *PP v. Tang Cheng Chai* (dirujuk). (perenggan 32)

(2) Perbuatan perayu pertama yang memberikan bungkusan berisi matawang (P34) kepada perayu kedua dan memudahkan (facilitate) kesalahan tersebut berlaku terjumlah kepada satu perbuatan subahat seperti dihuraikan di bawah Huraian 2 (Explanation 2) kepada
E s. 107 Kanun Keseksaan. Tambahan lagi tingkahlaku perayu pertama yang pergi berjumpa dengan SP15 bersama peguamnya serta membawa bersama bungkusan P49 menunjukkan pengetahuan salah beliau serta indikasi tentang penglibatan beliau dalam transaksi cubaan untuk mengelak larangan eksport matawang yang dirampas.
F Oleh itu keputusan Majistret bahawa perayu pertama telah bersubahat dengan perayu kedua dalam melakukan kesalahan itu adalah tepat dan betul serta wajar dipertahankan. (perenggan 34)

(3) Keputusan Majistret bahawa keterangan pihak pembelaan adalah tidak munasabah, tidak boleh dipercayai dan tidak sedikitpun
G menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwaan adalah tepat dan berlandas kepada keterangan kukuh serta keterangan mengikut keadaan dalam kes ini. (perenggan 35)

H **(4)** Berasaskan kepada keterangan saksi SP1 dan SP6 kesemua matawang tersebut adalah sah dan mempunyai 'legal tender'. (perenggan 41)

(5) Niat boleh dibuat inferen daripada keadaan keseluruhan fakta dan kejadian dalam kes ini. Niat curang perayu-perayu terbukti terutama
I perayu kedua sebagai seorang Pegawai Imigresen yang mengetahui

bahawa untuk membawa matawang keluar negara perlu membuat pengisytiharan. Keadaan matawang yang dibungkus dengan rapi, dibalut dengan kertas plastik berwarna hitam dan kertas plastik berwarna merah menyebabkan matawang tersebut tidak boleh kelihatan tanpa bungkusan dibuka juga menunjukkan niat curang perayu-perayu. Pembelaan perayu-perayu bahawa ini satu kesilapan sukar diterima dan ianya satu pemikiran terkemudian. (perenggan 42)

(6) Perayu-perayu sememangnya sedar dan mempunyai niat untuk melakukan kesalahan cubaan mengelakkan larangan eksport dengan cuba membawa masuk matawang yang menjadi barang larangan ke negara Singapura. (perenggan 43)

Kes-kes yang dirujuk:

Ajami v. Comptroller of Customs [1954] 1 WLR 1406 ***(dirujuk)***
Alcontara Ambross Anthony v. PP [1996] 1 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***
Arumugam & Anor v. Rex [1946] 1 LNS 1 HC ***(dirujuk)***
Mohamed Nor v. PP [1939] 1 LNS 55 HC ***(dirujuk)***
PP v. Hoe Chin Soon [2010] 4 CLJ 737 HC ***(dirujuk)***
PP v. Koo Cheh Yew & Anor [1980] 1 LNS 61 FC ***(dirujuk)***
PP v. Lee Wye Kheng [1976] 1 LNS 101 HC ***(diikuti)***
PP v. Tang Cheng Chai [2010] 6 CLJ 231 HC ***(dirujuk)***
PP v. Teo Eng Chan & Ors [1988] 1 CLJ 425; [1988] 2 CLJ (Rep) 793 HC ***(dirujuk)***
PP v. Wong Haur Wei [2008] 7 CLJ 200 HC ***(dirujuk)***
PP v. Yuvaraj [1968] 1 LNS 116 PC ***(dirujuk)***
Re Adam Aman; Hoesin Ghani v. PP [1958] 1 LNS 56 HC ***(dirujuk)***
Tan Khee Wan Iris v. PP [1995] 2 SLR 63 ***(dirujuk)***
Teh Hock Leong v. PP [2010] 1 MLJ 741 ***(dirujuk)***
Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Central Bank of Malaysia Act 1958, s. 24
Criminal Procedure Code, s. 399A
Customs Act 1967, ss. 2, 31, 119, 127, 135(1)(g), 135(1)(g)(iii)(aa), (2), 139
Exchange Control Act 1953, ss. 24, 25, 39
Penal Code, ss. 79, 107

Bagi pihak perayu - JR Ravendren; T/n JR Ravendren & Assocs
Bagi pihak respondan - Nik Suhaimi Sulaiman; TPR

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

A

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim H:

Rayuan Perayu-Perayu

B **[1]** Ini adalah rayuan perayu-perayu terhadap keputusan Puan Majistret di Johor Bahru yang mensabitkan perayu kedua atas kesalahan cubaan mengelak larangan eksport barangan yang dilarang pengeksportannya di bawah s. 135(1)(g) Akta Kastam 1967 yang boleh dihukum di bawah s. 135(1)(iii)(aa) Akta yang sama. Rayuan oleh perayu
C pertama pula adalah terhadap sabitan oleh Puan Majistret yang sama atas kesalahan bersubahat dengan perayu kedua dalam melakukan kesalahan yang sama, iaitu satu kesalahan di bawah s. 139 Akta Kastam 1967 dan boleh dihukum di bawah s. 135(1)(iii)(aa) Akta yang sama. Atas sabitan, perayu-perayu telah dihukum denda RM850,000 setiap seorang atau jika
D denda gagal dibayar masing-masing dipenjarakan selama 18 bulan. Rayuan perayu-perayu di sini adalah terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan.

[2] Perayu-perayu telah dipertuduhkan dalam dua kes yang berasingan. Pertuduhan terhadap perayu-perayu adalah seperti berikut:

E

Pertuduhan Terhadap Perayu Kedua (Kes No. B82-01-2002)

Bahawa kamu Rajoo a/l Nallianen K/P: 590115-10-5439 kira-kira jam 4.00 petang pada 8/2/2002 di Laluan Eksport Tambak, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Tambak Johor di dalam Daerah Johor Bahru di dalam
F Negeri Johor Darul Ta'zim, dengan disedari terlibat dalam cubaan pengelakan larangan eksport keatas:

1.3000 keping matawang Ringgit Malaysia berjumlah RM250,000.00

2.847 keping matawang asing berjumlah SGD54,690.00

G

3.1 keping matawang asing berjumlah B$1.00 bernilai RM361,996.22 yang dibawa di dalam sebuah motosikal bernombor JFF 8895, yang mana barang tersebut dilarang pengeksportannya di bawah Akta Kastam 1967 dibaca bersama dengan Perintah Kawalan Pertukaran Wang (Import dan Eksport)(Am) 1988, Akta Kawalan Pertukaran
H Wang 1953, kecuali dengan kelulusan pegawai yang diberi kuasa, dan dengan yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 135(1)(g) Akta Kastam 1967 dan boleh dihukum di bawah seksyen 135(1)(iii)(aa) Akta yang sama.

Pertuduhan Terhadap Perayu Pertama (Kes No. B83-613-2002)

I

Bahawa kamu Hussain bin Ibrahim No. K/P: 570904-12-5207 pada kira-kira jam 3.45 petang di tepi Jalan Susur 1, Off Jalan Tun Razak Johor Bahru telah bersubahat dalam perbuatan melakukan kesalahan

di bawah seksyen 135(1)(g) Akta Kastam 1967 oleh Rajoo a/l Nallianen K/P: 590115-10-5439 yang mana telah dilakukan akibat daripada galakan kamu, dan dengan demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 139 Akta Kastam 1967 dan boleh dihukum di bawah seksyen 135(1)(iii)(aa) Akta yang sama.

[3] Perayu-perayu mengaku tidak bersalah apabila pertuduhan terhadap mereka dibacakan. Perbicaraan terhadap perayu-perayu telah dijalankan secara bersama (joint trial) atas persetujuan semua pihak.

[4] Di akhir perbicaraan, perayu-perayu telah disabitkan dan dikenakan hukuman denda setiap seorang RM850,000 jika gagal 18 bulan penjara. Puan Majistret turut memerintahkan kesemua matawang yang dirampas dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia.

Kes Pendakwaan

[5] Seramai 17 orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan bagi membentangkan kes pihak pendakwaan. Secara ringkasnya kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut. Pada 8 Februari 2002 sekitar jam 8 pagi Pegawai Kastam En Abdul Wahabi bin Abdullah (SP10) telah menerima maklumat mengenai penyeludupan matawang keluar daripada Johor Bahru ke Singapura akan berlaku pada hari tersebut dengan menggunakan sebuah motosikal dengan nombor pendaftaran JFF 8895. Satu taklimat telah diberikan oleh SP10 di mana 4 pasukan Pegawai Kastam telah diarahkan untuk membuat pemerhatian dan pengawasan terutama di laluan lorong eksport selepas pondok Kastam, di Tambak Johor.

[6] Pada hari yang sama jam lebih kurang 4 petang, SP10 dan pasukannya telah menahan motosikal JFF 8895 yang ditunggang oleh perayu kedua di laluan eksport selepas pondok Kastam di Tambak Johor. Hasil pemeriksaan, pihak Kastam telah menjumpai satu bungkusan plastik berwarna merah (P34) dari dalam kotak hitam di bahagian belakang motosikal tersebut. Apabila ditanya oleh SP10 tentang kandungan dalam P34 tersebut, perayu kedua dengan bersahaja menjawab "ada kain". Setelah diperiksa, SP10 mendapati P34 mengandungi matawang seperti di dalam pertuduhan terhadap perayu kedua (P4, P8, P13, P29 dan P30).

[7] SP10 terus menahan perayu kedua dan membawanya balik ke Pejabat Kastam untuk tindakan seterusnya. Di pejabat, SP10 telah menyerahkan perayu kedua, matawang yang dirampas serta motosikal JFF 8895 kepada Pegawai Penyiasat (SP15) untuk tindakan lanjut.

[8] Pada hari yang sama sekitar jam 8 malam, perayu pertama bersama-sama dengan peguamnya En RR Mahendran dan saksi SD3 telah pergi berjumpa dengan SP15 di pejabat SP15. Perayu pertama telah memberitahu SP15 bahawa beliau telah tersilap menyerah bungkusan

kepada perayu kedua yang sepatutnya membawa satu bungkusan yang mengandungi barang makanan dan kain ke Singapura. Perayu pertama terus menyerahkan satu bungkusan plastik merah mengandungi makanan dan kain (P49) tersebut kepada SP15.

Dapatan Dan Keputusan Puan Majistret

[9] Setelah membuat pertimbangan secara maksima keseluruhan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan, Puan Majistret mendapati terdapat kes *prima facie* dibuktikan terhadap perayu-perayu atas pertuduhan yang dihadapkan kepada mereka. Puan Majistret telah mendapati bahawa empat intipati utama pertuduhan terhadap perayu kedua telah dibuktikan iaitu (i) perayu kedua secara sedar, (ii) telah terlibat dalam cubaan untuk mengelak larangan mengeksport, (iii) barangan yang dilarang untuk dieksport, dan (iv) dengan tanpa kelulusan pegawai yang diberi kuasa. Terhadap perayu pertama, telah didapati cukup keterangan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh perayu kedua telah dilakukan atas dorongan dan galakan oleh perayu kedua.

[10] Puan Majistret telah memutuskan bahawa matawang yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan adalah tergolong dalam takrifan "Barang" di bawah s. 2 Akta Kastam 1967. Oleh yang demikian matawang adalah barangan yang dilarang pengeksportannya di bawah Akta tersebut. Selain merujuk kepada Akta Kastam 1967, Puan Majistret telah turut merujuk kepada Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam 1996 dan s. 39 Akta Kawalan Pertukaran Matawang 1953 sebelum membuat keputusan bahawa matawang adalah barang bagi maksud di bawah s. 2 Akta Kastam 1967 dan adalah dilarang pengeksportannya di bawah Akta tersebut.

[11] Selain itu, Puan Majistret turut berpuashati melalui keterangan saksi-saksi SP1, SP2 dan SP3 bahawa verifikasi yang dibuat terhadap matawang yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan mengesahkan semua matawang tersebut adalah merupakan matawang kertas tulen dan bukanlah matawang yang palsu. Puan Majistret telah menerima masuk sijil pengesahan matawang (P14) di bawah s. 399A Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang mengesahkan matawang Malaysia yang dirampas bukanlah matawang palsu. SP3 telah membuat pemeriksaan setiap helaian wang kertas Malaysia dengan menggunakan pancaran lampu ultra unggu dan mendapati kesemua matawang kertas Malaysia tersebut menunjukkan ianya adalah tulen kerana ciri-ciri keselamatan wang kertas tersebut timbul jelas kelihatan. Selain itu saksi SP6 telah mengesahkan matawang Singapura dan matawang Brunei yang dirampas adalah tulen, mempunyai 'legal tender' dan tidak 'out-moded'. Puan Majistret telah menolak hujahan peguambela terpelajar bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan matawang yang dirampas adalah 'legal tender' atas alasan bahawa isu ini tidak pernah dibangkitkan sewaktu saksi-saksi

pakar pihak pendakwaan memberikan keterangan. Puan Majistret telah berpegang kepada keputusan Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (sekarang DYMM Paduka Sri Sultan Perak) dalam kes *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138 dan *Alcontara Ambross Anthony v. PP* [1996] 1 CLJ 705 oleh Edgar Joseph Jr FCJ mengenai kegagalan pihak pembelaan menyoal-balas saksi-saksi pihak pendakwaan mengenai sesuatu perkara penting.

[12] Puan Majistret turut mengambil perhatian terhadap keterangan saksi SP4 yang menyatakan setiap warganegara dan pemastautin di Malaysia perlu mengisi borang pengisytiharaan pengembara (TDF - Travellers Declaration Form) sekiranya mereka ingin membawa keluar matawang Malaysia melebihi RM1,000 atau matawang asing melebihi RM10,000. Dalam kes ini menurut keterangan saksi-saksi pendakwaan, tidak terdapat sebarang pengisytiharaan dibuat oleh perayu kedua berkenaan barang kes matawang yang dirampas.

[13] Mengenai elemen pertama dan kedua pertuduhan iaitu perayu kedua secara sedar dan telah terlibat dalam cubaan untuk mengelakkan larangan mengeksport matawang tersebut, Puan Majistret telah menimbangkan faktor-faktor berikut sebelum memutuskan dua elemen tersebut telah berjaya dibuktikan. Faktor-faktor tersebut seperti di ms. 29-30 Rekod Rayuan, adalah seperti berikut:

(a) SP9 menyatakan motosikal JFF 8895 tersebut ditahan selepas kaunter pemeriksaan Kastam Tambak Johor;

(b) Mengikut cabutan maklumat JPJ yang dibuat oleh SP17 terhadap motosikal JFF 8895 yang ditahan dalam kes ini menunjukkan motosikal tersebut adalah milik perayu kedua;

(c) Barang kes (matawang) dijumpai di dalam kotak hitam yang terletak dibelakang motosikal JFF 8895;

(d) Tiada sebarang pengisytiharaan dibuat dalam Kad IMM26 atau TDF atau di pejabat Imigresen oleh perayu kedua berkenaan matawang tersebut;

(e) Apabila perayu kedua ditahan oleh SP10 dan apabila ditanya apakah kandungan plastik merah yang ada dalam kotak hitam, perayu kedua memberitahu SP10 bahawa dalam plastik merah itu "ada kain";

(f) Tetapi apabila SP10 buka salah satu daripada bungkusan plastik hitam yang terdapat dalam plastik merah tersebut, didapati di dalamnya terdapat nota wang 100 ringgit yang terikat;

(g) SP10 bertanya kepada perayu kedua 'ada tak kamu buat pengikraran berkaitan dengan wang yang dibawa kepada pihak Imigresen atau kepada pihak Kastam?'. Perayu kedua memberitahu 'tidak' dan seterusnya memberitahu bahawa beliau adalah seorang Pegawai Imigresen;

(h) Matawang yang dirampas adalah bukan matawang palsu. Ini disahkan oleh SP1 (Pegawai dari Bank Negara) dan SP6 (Pegawai dari BIMB);

(i) Versi pembelaan di peringkat kes pendakwaan menerusi pemeriksaan balas saksi-saksi pendakwaan adalah bahawa perayu pertama telah salah memberi bungkusan yang mengandungi matawang kepada perayu kedua. Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati tidak munasabah baju-baju dan makanan ringan dari Malaysia yang boleh diperolehi dengan mudah di Singapura hendak dihantar ke Singapura oleh seorang Pegawai Imigresen lebih-lebih lagi dalam waktu bekerja di mana perayu kedua ditangkap pada jam 4 petang. SP4 mengesahkan pada 8 Februari 2002, perayu kedua bertugas mengikut syif 12.30 tengahari - 9.30 malam;

(j) Cara pembungkusan matawang tersebut dengan menggunakan plastik hitam, kemudian dengan plastik merah sehingga tidak boleh nampak kandungan di dalamnya juga menunjukkan pengetahuan perayu pertama dan perayu kedua untuk menyembunyikan sesuatu;

(k) Malahan cara pembungkusan barang makanan dan pakaian juga adalah serupa dengan pembungkusan matawang. Apakah keperluan untuk membungkus barang pakaian dan makanan sedemkian rupa dengan mengunakan beberapa lapisan plastik merah. Ini hanya boleh dijawab apabila pembelaan dipanggil untuk membela diri;

(l) SP15 menyatakan dalam keterangannya bahawa secara tiba-tiba lebih kurang 8.15 malam perayu pertama datang bersama peguambela Encik RR Mahendran dengan membawa satu bungkusan yang menyerupai bungkusan matawang tersebut;

(m) SP15 memberi keterangan bahawa perayu pertama memberitahunya dalam rakaman percakapan bahawa beliau salah memberi bungkusan kepada perayu kedua untuk dihantar kepada saudaranya di Causeway. Dalam rakaman percakapannya perayu pertama menyatakan 'Saya hendak beri kepada Akhbar Ali yang tinggal di Arab Street Singapore. Saya telefon melalui telefon tangan dia ke nombor 019-7724896 lebih kurang jam 2 lebih. Saya cakap sama dia, mahu beri satu barang baju, kain sarung, coklat, kek dan satu barang makanan jenis saya tidak ingat'. Pembelaan tidak mencabar

keterangan ini. Oleh yang demikian mahkamah membuat inferen bahawa perayu kedua sememangnya hendak menghantar barang tersebut ke Singapura pada hari kejadian;

(n) SP4 menafikan cadangan peguam bahawa perayu kedua ada mencatit nama dalam buku pergerakan pegawai di Pejabat Imigresen Keretapi Tanah Melayu untuk tujuan pergi ke Tambak Johor.

[14] Mengenai pensubahatan oleh perayu pertama dalam melakukan kesalahan ini, Puan Majistret telah bergantung kepada faktor-faktor berikut apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesalahan dilakukan oleh perayu kedua atas pensubahatan dan galakan daripada perayu pertama. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut (lihat ms 31-32 Rekod Rayuan):

(a) SP15 memberi keterangan bahawa tiba-tiba perayu pertama berada di Pejabat Pencegahan Tambak Johor Bahru selepas penangkapan perayu kedua;

(b) Semasa perayu pertama datang ke Pejabat Pencegahan, beliau membawa bersama beliau satu bungkusan plastik merah dan tidak dinafikan oleh SP15 dalam pemeriksaan balas, rupa bungkusan tersebut kelihatan sama dengan bungkusan wang;

(c) Semasa ditanya oleh SP15 kenapa beliau datang, perayu pertama memberitahu tersalah beri bungkusan kepada perayu kedua iaitu sepatutnya bungkusan berisi baju dan pakaian dan bukannya bungkusan berisi wang;

(d) Dalam rakaman percakapannya perayu pertama memberitahu dia hendak beri bungkusan makanan dan pakaian kepada saudaranya Akhbar Ali yang tinggal di Arab Street, Singapura;

(e) Adalah tidak munasabah baju-baju dan makanan ringan dari Malaysia yang boleh diperolehi dengan mudah di Singapura hendak dihantar ke Singapura oleh seorang Pegawai Imigresen (perayu kedua) lebih-lebih lagi dalam waktu bekerja.

[15] Puan Majistret telah berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua perayu dan telah memanggil kedua-dua perayu untuk membela diri. Kedua-dua perayu telah memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi. Setelah menimbangkan pembelaan kedua-dua perayu, mendapati pembelaan mereka gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwaan. Sebaliknya diputuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap kedua-dua perayu sehingga melampaui keraguan yang munasabah dan dengan itu kedua-dua perayu telah disabitkan atas pertuduhan yang dihadapkan.

A **Hujahan Peguambela Terpelajar**

[16] Peguambela terpelajar telah mengemukakan empat alasan utama dalam hujahannya untuk membenarkan rayuan perayu-perayu di sini. Alasan pertama adalah bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan intipati utama pertuduhan iaitu bahawa matawang seperti di dalam pertuduhan adalah matawang yang sah (legal tender). Pihak pendakwaan juga gagal membuktikan bahawa matawang tersebut adalah barang larangan menurut s. 2 Akta Kastam 1967 dibaca bersama dengan s. 24 dan 25 Akta Kawalan Pertukaran 1953. Peguambela berhujah bahawa walaupun matawang diklasifikasikan sebagai 'barang' di bawah jadual pertama kepada Perintah Duti Kastam 1996 tetapi untuk menjadikan matawang sebagai barang larangan ianya mestilah jatuh di bawah definasi 'barang' di bawah s. 2 Akta Kastam 1967 iaitu barangan yang disenaraikan dalam perintah yang dikeluarkan di bawah s. 31 Akta yang sama atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Memandangkan tiada apa-apa perintah dibuat mengikut s. 31 Akta untuk mengklasifikasikan matawang sebagai barang larangan maka matawang hanya boleh dianggap sebagai barang larangan di bawah undang-undang bertulis yang lain. Dihujahkan bahawa hanya Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 merupakan undang-undang yang berkaitan dengan pengimportan dan pengeksportan matawang yang layak dirujuk terutama kepada s. 25 Akta tersebut yang membuat peruntukan terhadap larangan pengeksportan matawang "which are or have at any time been legal tender of a territory". Peguambela turut merujuk kepada s. 24 Akta Bank Negara Malaysia 1958 untuk maksud sebenar 'legal tender' dimana matawang yang bukan palsupun boleh "cease to be legal tender". Peguambela memberikan contoh kepada matawang RM1,000 dan matawang RM500 yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang tidak lagi menjadi 'legal tender' walapun matawang-matawang tersebut bukannya matawang-matawang palsu.

[17] Peguambela berhujah bahawa Puan Majistret telah khilaf apabila meletakkan beban ke atas pihak pembelaan untuk membuktikan bahawa matawang yang dirampas tidak mempunyai 'legal tender'. Puan Majistret mengakui dalam penghakimannya bahawa matawang tersebut perlu dibuktikan mempunyai 'legal tender' untuk membolehkannya dianggap sebagai barang larangan tetapi Puan Majistret telah tersalah arah dari segi undang-undang dan fakta apabila berpegang kepada kegagalan pihak pembelaan untuk memeriksa balas saksi-saksi pihak pendakwaan atas isu tersebut. Saksi SP1 hanya mengesahkan matawang Malaysia yang dirampas bukanlah matawang palsu tetapi tidak menyatakan bahawa matawang tersebut mempunyai 'legal tender'. Saksi SP6 yang membuat verifikasi matawang Singapura dan matawang Brunei pula turut menyatakan matawang-matawang tersebut sebagai 'genuine' tanpa mengesahkan sama ada matawang-matawang tersebut adalah 'legal tender'.

[18] Alasan kedua yang dikemukakan oleh peguambela adalah bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan bahawa perayu-perayu ada niat untuk cuba mengelakkan larangan eksport ke atas matawang yang dirampas. Peguambela berhujah bahawa Puan Majistret telah khilaf apabila telah gagal untuk memberikan satu penilaian yang maksima dan secara objektif terhadap keterangan saksi-saksi SP4, SP10 dan SP15 pada peringkat kes pendakwaan. Keterangan-keterangan berikut daripada saksi-saksi tersebut telah gagal diberikan penilaian secara maksima dan objektif oleh Puan Majistret, iaitu:

(a) Saksi SP4 mengesahkan perayu kedua sedang bertugas sebagai Pegawai Imigresen semasa hari kejadian kes iaitu pada 8 February 2002 (m/s 94-95 Rekod Rayuan);

(b) Saksi SP4 mengesahkan bahawa Pos Kawalan Imigresen Keretapi Tanah Melayu adalah di bawah kawalan Ketu Pos Imigresen bertempat di Tambak Johor dan pada lazimnya Pegawai Imigresen memang sering berulang alik ke Pejabat Pos Imigresen yang lain (m/s 102 Rekod Rayuan);

(c) Saksi SP4 mengesahkan beliau ada mengendalikan satu buku rekod pergerakan pegawai-pegawai pada masa itu dan buku tersebut sentiasa di bawah kawalannya. SP4 menafikan cadangan bahawa perayu kedua telah mencatitkan dalam buku tersebut yang perayu kedua hendak pergi ke Pejabat Pos Imigresen di Tambak Johor untuk urusan persaraannya tetapi pihak pendakwaan gagal untuk mengemukakan Buku Rekod tersebut di mahkamah untuk menafikan cadangan pihak pembelaan tersebut (m/s 103 Rekod Rayuan);

(d) Saksi SP10 yang membuat tangkapan ke atas perayu kedua dan saksi SP15 iaitu Pegawai Penyiasat mengesahkan tiada sebarang dokumen perjalanan ditemui pada perayu kedua semasa beliau ditangkap (m/s 205-206, 288 Rekod Rayuan);

(e) Saksi SP10 mengakui bahawa ketika perayu kedua ditahan, perayu kedua ada memberitahu bahawa ada 'kain' dalam kotak hitam di motosikal yang beliau tunggang (m/s 187 Rekod Rayuan);

(f) Saksi SP10 mengakui bahawa matawang di dalam bungkusan plastik P34 tidak boleh dilihat jika ianya tidak dibuka (m/s 205 Rekod Rayuan);

(g) Saksi SP15 mengakui tidak menjalankan siasatan ke atas dua orang iaitu Ansar Ali @ Faizal (SD3) dan Imam yang menyaksikan penyerahan bungkusan dari perayu pertama kepada perayu kedua pada hari kejadian (m/s 289 Rekod Rayuan);

(h) Saksi SP15 mengakui bahawa siasatan telah dijalankan keatas RR Mahendran, peguam yang hadir bersama perayu pertama di Pejabat Kastam pada jam 8 malam hari kejadian selepas perayu kedua ditahan tetapi SP15 gagal mengemukakan bukti hasil siasatan beliau (m/s 277, 291 Rekod Rayuan);

(i) Saksi SP15 mengakui bahawa perayu pertama telah memberitahunya yang perayu kedua telah tersalah ambil bungkusan. SP15 mengakui bungkusan P49 (mengandungi kain dan makanan) adalah serupa dengan bungkusan P34 yang mengandungi matawang yang dirampas, cara pembungkusan yang sama, warna plastik yang membungkus juga sama dan matawang dalam P34 tidak dapat dilihat (m/s 277-278 Rekod Rayuan);

(j) Saksi SP15 mengakui bahawa kenderaan yang melalui Pondok Kastam di Tambak Johor boleh membuat pusingan-U di bawah Jambatan di Tambak Johor tersebut selepas Pondok Kastam tersebut.

[19] Puan Majistret juga dikatakan telah khilaf apabila menggunakan anggapan-anggapan di bawah s. 135(2) dan s. 119 Akta Kastam 1967 bagi membuktikan elemen niat dan meletakkan beban atas perayu-perayu untuk membuktikan sebaliknya. Dihujahkan bahawa anggapan di bawah s. 135(2) hanya terpakai sekiranya dibuktikan bahawa matawang tersebut adalah barang larangan bagi maksud s. 2 Akta tersebut. Anggapan di bawah s. 119 pula tidak terpakai memandangkan perayu-perayu dituduh dengan kesalahan cubaan untuk mengelakkan larangan eksport dan bukan dituduh dengan kesalahan mengelakkan larangan eksport.

[20] Peguambela berhujah bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan *mens rea* dipihak perayu kedua. Hujahan peguambela berasaskan kepada tingkah laku perayu kedua yang semasa ditahan dan ditanya apa barang yang berada di dalam kotak hitam tersebut telah dengan bersahaja menjawab 'kain'. Dihujahkan bahawa faktor ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa perayu kedua tidak mempunyai pengetahuan sebenarnya mengenai matawang yang terdapat di dalam kotak hitam tersebut.

[21] Alasan ketiga yang dihujahkan oleh peguambela adalah bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan perayu pertama telah bersubahat dengan perayu kedua dalam melakukan kesalahan yang dipertuduhkan memandangkan tiada bukti dikemukakan mengenai unsur-unsur pensubahatan antara mereka dalam melakukan kesalahan tersebut. Peguambela berhujah tiada keterangan jelas menunjukkan cara mana perayu pertama telah bersubahat dengan perayu kedua dan tiada definasi perkataan 'subahat' dinyatakan di bawah s. 139 Akta Kastam 1967. Sebaliknya terdapat penjelasan mengenai perbuatan subahat di bawah

s. 107 Kanun Keseksaan yang memberikan tiga situasi dimana seseorang itu dikatakan telah bersubahat iaitu jika seseorang itu telah menghasut atau dengan mengambil bahagian dalam melakukan kesalahan itu atau dengan sengaja membantu orang yang melakukan kesalahan itu. Pertuduhan terhadap perayu pertama menyatakan perkataan 'galakan' tetapi galakan tidak menjadi salah satu elemen subahat di bawah s. 107 Kanun Keseksaan. Peguambela seterusnya berhujah bahawa perbuatan perayu pertama memberi satu bungkusan kepada perayu kedua tidak boleh terjumlah kepada satu perbuatan galakan kepada perayu kedua dalam melakukan kesalahan tersebut. Perayu pertama telah menyatakan kepada SP15 bahawa dia telah tersilap memberi bungkusan P34 kepada perayu kedua dan fakta ini menidakkan pengetahuan salah dipihak perayu pertama.

[22] Alasan rayuan terakhir yang dikemukakan oleh peguambela terpelajar adalah bahawa Puan Majistret gagal memberi pertimbangan secara objektif keatas keseluruhan keterangan diperingkat pembelaan termasuk keterangan SD3 dan telah membuat beberapa inferen yang bertentangan dengan keterangan yang sedia ada. Peguambela berhujah Puan Majistret gagal menimbangkan fakta-fakta berikut:

(a) Bahawa perayu pertama menjalankan perniagaan sebagai pengurup wang dan tidak hairanlah beliau mengendalikan jumlah wang yang besar;

(b) Bahawa makanan (coklat dan biskut) boleh disimpan untuk waktu yang lama jika disimpan dalam tempat yang kedap udara;

(c) Bahawa ada kemungkinan dan tidak mustahil berlakunya kesilapan penyerahan bungkusan P34 oleh perayu pertama kepada perayu kedua dalam kes ini memandangkan keadaan bungkusan P34 tersebut serupa dengan bungkusan P49 yang mengandungi kain dan makanan;

(d) Bahawa keterangan perayu kedua pernah menghantar makanan dan kain untuk perayu pertama ke Singapura sebelum kejadian dalam kes ini dan bahawa perayu kedua berjanji untuk menghantar bungkusan tersebut selepas beliau habis kerja;

(e) Perayu kedua berjumpa perayu pertama hanya sekejap sahaja untuk mengambil bungkusan itu tanpa sempat untuk memeriksa kandungan bungkusan itu oleh kerana perayu kedua perlu segera balik ke tempat kerjanya;

(f) Perayu kedua dalam perjalanan ke Pejabat Pos Kawalan Imigresen di Tambak Johor dan beliau tidak mempunyai dokumen perjalanan untuk ke Singapura. Perayu kedua tidak panik dan tidak cuba untuk

melarikan diri semasa matawang tersebut ditemui memandangkan sepanjang pengetahuan perayu kedua bungkusan itu hanya mengandungi kain dan makanan;

(g) Saksi SD3 telah menyaksikan penyerahan bungkusan oleh perayu pertama kepada perayu kedua dan mengesahkan perayu kedua tidak memeriksa bungkusan itu.

[23] Akhirnya peguambela berhujah bahawa pembelaan kedua-dua perayu telah berjaya menimbulkan keraguan terhadap kes pihak pendakwaan walaupun keterangan saksi-saksi pembelaan tidak dipercayai oleh Puan Majistret. Peguambela berhujah timbul keraguan mengenai keterangan SP15 yang menyatakan kedua-dua bungkusan P34 dan P49 serupa. Keraguan juga timbul memandangkan perayu kedua tidak mempunyai dokumen perjalanan untuk ke Singapura masa ditahan dan beliau hanya hendak pergi ke Pos Imigresen yang terpaksa melepasi Pondok Kastam di Tambak Johor tersebut. Peguambela memohon rayuan terhadap sabitan dan hukuman Puan Majistret dibenarkan dan kedua-dua perayu dilepas dan dibebaskan dan matawang yang dilucuthak dipulangkan kepada perayu pertama.

Hujahan Balas Respondan

[24] Yg Bhg Dato' Nik Suhaimi, TPR dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia berhujah bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua perayu di mana semua intipati pertuduhan telah berjaya dibuktikan. Dihujahkan bahawa tiada keraguan mengenai matawang yang dirampas terjumlah kepada barang larangan untuk dieksport. Dengan merujuk kepada peruntukan-peruntukan di bawah s. 2 Akta Kastam 1967, s. 25 Akta Kawalan Pertukaran Matawang 1953 serta Perintah Pertukaran Matawang (Import dan Eksport) 1998, adalah jelas menunjukkan bahawa matawang adalah barang larangan untuk dieksport kecuali dengan kebenaran Pengawal Pertukaran Matawang (Controller of Foreign Exchange).

[25] Mengenai isu 'legal tender', Dato' TPR berhujah bahawa tidak ada definasi 'legal tender' di bawah Akta Kawalan Pertukaran Matawang 1953 mahupun di bawah Akta Kastam 1967. Dato' TPR telah merujuk kepada keputusan dalam kes *Re Adam Aman; Hoesin Ghani v. PP* [1958] 1 LNS 56 di mana dalam kes tersebut telah diputuskan setelah merujuk kepada kes *Ajami v. Comptroller of Customs* [1954] 1 WLR 1406, bahawa dengan memanggil Pegawai Bank untuk memberitahu tentang hasil pemeriksaan matawang sebagai sah sudah memadai untuk membuktikan bahawa matawang itu mempunyai nilai yang sah (legal tender). Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, dihujahkan bahawa berdasarkan kepada

keterangan SP1 dan SP6 yang mengesahkan kesemua matawang yang diramas adalah 'genuine', sah dan bukan matawang palsu sudah memadai untuk membuktikan matawang tersebut mempunyai 'legal tender'. Lagipun, pihak pembelaan tidak pernah mempertikaikan keterangan saksi-saksi SP1 dan SP6 yang menyatakan matawang tersebut sebagai sah dan bukan palsu.

[26] Mengenai isu niat, Dato' TPR berhujah bahawa persoalan niat boleh dilihat melalui tingkah laku serta keadaan dalam sesuatu kes. Dalam kes ini perayu kedua menyatakan beliau hendak pergi ke Pos Imigresen di Tambak Johor yang kebetulan berada selepas Pondok Kastam untuk tujuan urusan persaraan beliau. Beliau turut menyatakan ada membawa dokumen persaraan dalam kotak hitam. Tetapi setelah diperiksa tiada terdapat dokumen yang berkenaan. Saksi SP4 menafikan perayu kedua ada memohon untuk keluar ke Pos Imigresen. Perayu kedua menyatakan beliau tidak bercadang untuk ke Singapura dan akan membuat pusingan-U selepas Pondok Kastam. Saksi-saksi pendakwaan menafikan terdapat pusingan-U di sana. Perayu kedua turut menyatakan bahawa beliau tidak ada membawa sebarang dokumen perjalanan untuk ke Singapura tetapi umum mengetahui bahawa seorang Pegawai Imigresen yang bertugas di sempadan mempunyai kad kuasa serta kebenaran khas untuk melintasi sempadan negara. Niat curang perayu-perayu terbukti terutama perayu kedua sebagai seorang Pegawai Imigresen yang mengetahui bahawa untuk membawa matawang keluar negara perlu membuat pengisytiharan dengan mengisi Borang IMM26 dan Borang TDF. Keadaan matawang yang dibungkus dengan rapi, dibalut dengan kertas plastik berwarna hitam dan kertas plastik berwarna merah menyebabkan matawang tersebut tidak boleh kelihatan tanpa bungkusan dibuka juga menunjukkan niat curang perayu-perayu. Pembelaan perayu-perayu ini satu kesilapan sukar diterima dan ianya satu pemikiran terkemudian. Apa perlunya kain dan makanan dibungkus sedemikian rupa dengan rapi seperti bungkusan matawang sedangkan tiada larangan eksport untuk kain dan makanan. Tindakan perayu-perayu mengemukakan bungkusan P49 yang serupa dengan P34 hanyalah satu cubaan untuk menyatakan telah berlaku kesilapan. Mengenai perayu kedua tidak berasa takut dan tidak cuba melarikan diri, tidak menunjukkan dia tiada pengetahuan salah. Matawang telah ditemui dan tiada peluang di sana untuk perayu kedua melepaskan dirinya kerana tempat itu sibuk dan jika melarikan diripun dia pasti akan ditangkap juga (lihat *Teh Hock Leong v. PP* [2010] 1 MLJ 741).

[27] Dato' TPR turut berhujah bahawa anggapan yang terdapat di bawah s. 135(2) dan s. 119 Akta Kastam 1967 terpakai dalam keadaan kes ini. Apabila perayu kedua didapati memiliki matawang tersebut di tempat beliau ditahan, maka anggapan terpakai. Dalam kes *PP v. Lee Wye*

Kheng [1976] 1 LNS 101 telah diputuskan bahawa satu kes *prima facie* adalah berjaya dibuktikan dalam kes kastam dengan bantuan peruntukan di bawah s. 135(2) dan s. 119 Akta Kastam 1967. Pembelaan perayu-perayu dihujahkan tidak "probable" dan tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan perayu-perayu turut gagal untuk mematahkan anggapan-anggapan yang terpakai terhadap mereka.

[28] Akhir sekali, Dato' TPR berhujah bahawa Puan Majistret tidak khilaf dalam dapatan dan keputusannya mensabitkan kedua-dua perayu dalam kes ini. Dapatan dan keputusan Puan Majistret telah dibuat berdasarkan kepada penemuan fakta yang disokong oleh keterangan yang kukuh. Oleh itu dihujahkan mahkamah ini seharusnya tidak akan mengganggu penemuan fakta dan dapatan serta keputusan oleh Puan Majistret dalam kes ini.

Pandangan Dan Keputusan Mahkamah

[29] Perayu kedua dipertuduhkan dengan satu kesalahan di bawah s. 135(1)(g) Akta Kastam 1967 iaitu dengan secara sedar telah cuba untuk mengelak larangan eksport barang larangan berupa matawang seperti dalam pertuduhan. Manakala perayu pertama pula dipertuduhkan dengan kesalahan di bawah s. 139 Akta yang sama kerana telah bersubahat dengan Perayu Kedua dalam melakukan kesalahan yang dipertuduhkan. Untuk rujukan diperturunkan peruntukan-peruntukan tersebut setakat yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap perayu-perayu, seperti berikut:

135. Penalty for various smuggling offences

(1) Whoever:

…

(g) is in any way knowingly concerned in any fraudulent evasion or attempt at fraudulent evasion of any customs duty, or in evasion or attempt at evasion of any prohibition of import or export;

shall be guilty of an offence and shall, on conviction:

…….

(2) In any prosecution under this section or section 139 any dutiable, uncustomed or prohibited goods shall be deemed to be dutiable, uncustomed or prohibited goods, as the case may be, to the knowledge of the defendant unless the contrary be proved by such defendant.

[30] Manakala s. 139 Akta yang sama memperuntukkan kesalahan berkaitan dengan cubaan dan pensubahatan. Seksyen 139 Akta berbunyi seperti berikut:

> **139. Attempts and abetments**
>
> Whoever attempts to commit any offence punishable under this Act, or abets the commission of such offence, shall be punishable with the punishment provided for such offence.

[31] Selain anggapan yang terdapat di bawah s. 135(2) Akta seperti dirujuk di atas, terdapat satu lagi anggapan di bawah Akta yang sama seperti diperuntukkan di bawah s. 119 Akta mengenai beban pembuktian. Seksyen 119 Akta memperuntukkan seperti berikut:

> **119. Burden of proof**
>
> If in any prosecution in respect of any goods seized for non-payment of duties or for any other cause of forfeiture or for the recovery of any penalty or penalties under this Act, any dispute arises whether the customs duties have been paid in respect of such goods, or whether the same have been lawfully imported or exported or lawfully landed or loaded, or concerning the place whence such goods were brought or where such goods were loaded, or whether anything is exempt from duty under section 14 then and in every such case the burden of proof thereof shall lie on the defendant in such prosecution.

[32] Kedua-dua anggapan tersebut di atas yang memihak kepada pihak pendakwaan telah secara betul dan sah terpakai dalam kes ini sebagaimana diputuskan oleh Puan Majistret. Anggapan tersebut bagaimanapun adalah anggapan yang boleh dipatahkan oleh pihak pembelaan atas beban pembuktian pada tahap imbangan kebarangkalian seperti yang telah diputuskan dalam banyak kes terutama *PP v. Yuvaraj* [1968] 1 LNS 116. Saya bersetuju dengan hujahan pihak respondan bahawa setelah dibuktikan perayu kedua mempunyai dalam milikannya matawang yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan di tempat beliau ditahan, secara otomatisnya anggapan-anggapan di bawah s. 119 dan s. 135(2) Akta Kastam 1967 terpakai. Saya juga bersetuju dengan prinsip yang diputuskan dalam beberapa kes termasuk *PP v. Lee Wye Kheng (supra)* bahawa anggapan-anggapan tersebut telah dapat membantu pihak pendakwaan dalam membuktikan satu kes *prima facie* terhadap seseorang tertuduh. Keputusan kes itu turut disokong dalam kes-kes *PP v. Koo Cheh Yew & Anor* [1980] 1 LNS 61; *PP v. Hoe Chin Soon* [2010] 4 CLJ 737 dan *PP v. Tang Cheng Chai* [2010] 6 CLJ 231.

[33] Mengenai kesalahan subahat, Akta Kastam 1967 sendiri tidak memberi definasi subahat. Walau bagaimanapun pihak-pihak telah merujuk kepada peruntukan di bawah s. 107 Kanun Keseksaan bagi mendapatkan

A pengertian mengenai perbuatan yang tergolong di bawah kesalahan subahat. Saya bersetuju peruntukan di bawah s. 107 Kanun Keseksaan tersebut boleh digunakan untuk mendapatkan maksud dan pengertian mengenai kesalahan subahat. Ini adalah penting bagi menentukan sama ada perbuatan-perbuatan perayu pertama yang memberikan bungkusan B matawang P34 kepada perayu kedua serta kelakuan-kelakuan perayu pertama selepas mengetahui perayu kedua telah ditangkap terjumlah kepada perbuatan subahat. Seksyen 107 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

C **107. Abetment of a thing**

A person abets the doing of a thing who:

(a) instigates any person to do that thing;

(b) engages with one or more other person or persons in any D conspiracy for the doing of that thing, if an act or illegal omission takes place in pursuance of that conspiracy, and in order to the doing of that thing; or

(c) intentionally aids, by any act or illegal omission, the doing of that thing.

E **[34]** Dalam kes dihadapan mahkamah sekarang, perbuatan perayu pertama yang tidak dinafikan serta jelas bahawa beliau yang telah memberikan bungkusan berisi matawang (P34) kepada perayu kedua telah memudahkan (facilitate) kesalahan tersebut berlaku terjumlah kepada F satu perbuatan subahat seperti dihuraikan di bawah huraian dua (explanation two) kepada s. 107 Kanun Keseksaan. Tambahan lagi tingkah laku perayu pertama yang pergi berjumpa dengan SP15 bersama peguamnya En RR Mahendran serta membawa bersama bungkusan P49 menunjukkan pengetahuan salah beliau serta indikasi tentang penglibatan beliau dalam transaksi cubaan untuk mengelak larangan eksport G matawang yang dirampas. Oleh itu keputusan Puan Majistret bahawa perayu pertama telah bersubahat dengan perayu kedua dalam melakukan kesalahan ini adalah tepat dan betul serta wajar dipertahankan. Huraian dua tersebut berbunyi:

H Explanation 2 - Whoever, either prior to or at the time of the commission of an act, does anything in order to facilitate the commission of that act, and thereby facilitates the commission thereof, is said to aid the doing of that act.

I **[35]** Fakta bahawa bungkusan P34 yang berisi matawang yang dilarang untuk dieksport tersebut berasal dari perayu pertama, kepunyaan perayu pertama untuk urusan beliau sebagai pengurup wang dan telah diberikan kepada perayu kedua tidak dipertikaikan. Fakta ini turut diakui sendiri oleh kedua-dua perayu serta saksi pembelaan, SD3. Fakta ini bukanlah

satu isu. Ini membawa maksud bahawa faktor pensubahatan oleh perayu pertama tidak dipertikaikan. Apa yang dipertikaikan dan menjadi isu yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan adalah telah berlakunya satu kesilapan fakta. Perayu pertama mendakwa bahawa beliau telah tersilap memberi bungkusan P34 kepada perayu kedua dan sepatutnya perayu pertama menyatakan memberikan bungkusan P49 kepada perayu kedua yang berisi makanan dan pakaian untuk dihantar kepada saudara kepada perayu pertama yang menetap di Singapura yang kemudiannya akan menghantarnya ke India. Semua fakta dan isu berkaitan dengan dakwaan pihak pembelaan bahawa telah berlakunya satu kesilapan telah diteliti dan dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh Puan Majistret. Di ms. 33-39 Rekod Rayuan, Puan Majistret telah mengulas dengan panjang lebar mengenai isu kesilapan fakta semasa mempertimbangkan keterangan kes pihak pembelaan. Pada akhirnya Puan Majistret membuat keputusan bahawa keterangan pihak pembelaan berkaitan dengan isu ini adalah tidak munasabah, tidak boleh dipercayai dan tidak sedikitpun menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwaan. Setelah meneliti keseluruhan rekod rayuan, saya bersetuju dan berpuashati dengan keputusan yang dibuat oleh Puan Majistret tersebut dan saya mendapati keputusan tersebut bertepatan dan berlandas kepada keterangan kukuh serta keterangan mengikut keadaan yang terdapat di dalam kes ini.

[36] Keterangan saksi SD3 yang cuba menyokong keterangan perayu pertama bahawa telah berlaku satu kesilapan telah diterima oleh Puan Majistret dengan berhati-hati. Keputusan Puan Majistret menolak keterangan SD3 dan seterusnya menyatakan keterangan SD3 gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan adalah betul dan berasas memandangkan saksi SD3 telah berada di dalam mahkamah terbuka sepanjang masa perayu pertama dan perayu kedua memberi keterangan (lihat kes *Mohamed Nor v. PP* [1939] 1 LNS 55 oleh Hakim Murray-Aynsley).

[37] Seksyen 79 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa sesuatu perbuatan itu yang dilakukan oleh seseorang yang mana perbuatan itu dibenarkan di bawah undang-undang atau perbuatan itu telah dilakukan atas kesilapan fakta tidak menjadi satu kesalahan. Kesilapan tersebut mestilah satu kesilapan fakta dan bukannya kesilapan undang-undang dan kesilapan fakta tersebut telah berlaku secara niat mulia (good faith). Beban atas perayu-perayu untuk membuktikan mereka telah bertindak dengan cara penuh perhatian dan berhati-hati. Menurut keterangan penyerahan bungkusan telah dibuat secara tergesa-gesa. Beban pembuktian atas pihak pembelaan untuk membuktikan telah berlaku satu kesilapan fakta dalam kes ini dan tahap pembuktian atas pihak pembelaan adalah atas imbangan kebarangkalian (lihat *Tan Khee Wan Iris v. PP* [1995] 2 SLR 63, *Arumugam & Anor v. Rex* [1946] 1 LNS 1, *PP v. Teo Eng Chan & Ors* [1988] 1 CLJ 425; [1988] 2 CLJ (Rep) 793 dan

A *PP v. Wong Haur Wei* [2008] 7 CLJ 200). Puan Majistret setelah menimbangkan semua fakta dan keterangan dalam kes ini telah menolak pembelaan kesilapan fakta yang mana pihak pembelaan bergantung sepenuhnya dalam kes ini. Puan Majistret telah memberikan alasan-alasan beliau mengapa telah menolak pembelaan perayu-perayu tersebut dan
B saya setelah meneliti rekod rayuan bersependapat dengan keputusan Puan Majistret tersebut.

[38] Peguambela berhujah bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan matawang yang dirampas mempunyai 'legal tender' dan dengan itu sekaligus gagal untuk membuktikan bahawa matawang
C tersebut sebagai barang larangan. Hanya mengeksport atau cuba mengeksport barang larangan yang menjadi satu kesalahan di bawah s. 135(1)(g) Akta Kastam 1967. Pihak-pihak tidak mempertikaikan bahawa matawang termasuk bawah definasi 'barang' seperti yang ditakrifkan dalam s. 2 Akta sebagai "goods includes animals, birds, fish, plants and
D all kinds of movable property". Hujahan peguambela bahawa hanya matawang yang mempunyai 'legal tender' sahaja yang dilarang pengeksportannya di bawah undang-undang adalah berasas. Oleh itu isu sama ada matawang yang dirampas dalam kes ini mempunyai 'legal tender' adalah penting untuk diputuskan oleh mahkamah bawahan dan
E mahkamah ini.

[39] Matawang yang terlibat dalam kes ini adalah 3000 keping matawang Ringgit Malaysia, 847 keping matawang Dollar Singapura dan satu keping matawang Dollar Brunei. 3000 keping matawang Ringgit Malaysia dalam kes ini telah dirujuk kepada saksi En. Abdul Rani bin
F Lazim (SP1) yang bertugas sebagai Pengurus Jabatan Pengurusan & Operasi Matawang, Bank Negara Malaysia untuk dibuat verifikasi. Menurut SP1 kesemua 3000 keping matawang Ringgit Malaysia tersebut dalam bentuk matawang Malaysia 50 Ringgit (1000 keping) dan 2000 keping matawang Malaysia dalam denominasi 100 Ringgit (m/s 59
G Rekod Rayuan). Apa yang jelas di sini ialah tiada terdapat matawang Malaysia 500 Ringgit dan 1000 Ringgit yang wala pun bukan wang palsu tetapi telah tidak lagi menjadi 'legal tender' pada masa tangkapan. Tindakan yang dilakukan oleh SP1 dalam membuat verifikasi matawang Malaysia tersebut adalah dengan mengira dan menyemak nombor siri
H wang kertas tersebut, menyemak ciri-ciri keselamatan pada wang kertas tersebut dan seterusnya mengeluarkan Sijil Pengesahan (P14) bagi matawang berkenaan. SP1 mengesahkan semasa disoal-balas bahawa tujuan verifikasi matawang yang beliau jalankan adalah untuk memastikan matawang tersebut bukanlah matawang palsu. Seterusnya keterangan SP1
I dalam soalan-utama adalah seperti berikut (m/s 66 Rekod Rayuan):

Q: Melalui pemeriksaan yang dijalankan, apakah keputusan tentang wang kertas yang diperiksa?

A: Saya dapati kesemua wang-wang kertas yang saya periksa pada 24 March 2003 dan 25 March 2003 adalah merupakan wang kertas tulin. Ini adalah kerana wang-wang kertas berkenaan mempunyai kesemua ciri-ciri keselamatan dalam wang kertas yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Antaranya: pertama potret tanda baying, kedua benang keselamatan ciri 'PEAK' printed and embossed anti copy key, ciri 'LEAD' long lasting economical anticopy device, selanjutnya mempunyai cetakan intaglio (yang boleh dirasa dengan tangan, cetakan timbul) nombor siri menegak dan melintang yang mempunyai ciri magnetic serta bercahaya di bawah ultraviolet light 'lampu unggu' tanda pandang telus, microlettering (huruf halus), huruf halus beralun (modulated microlettering).

Juga mempunyai brail feature (ciri untuk penglihatan orang buta/ cacat) dan akhir sekali keseluruhan wang kertas berkenaan mempunyai ciri-ciri cetakan tersembunyi (invisible flouresent printing) yang boleh dilihat di bawah UV light.

Saya juga ingin jelaskan satu perkara penting lagi iaitu kertas yang digunakan bagi wang kertas tulen ini adalah diperbuat daripada kapas dan ianya tidak bercahaya di bawah UV light. Tidak sepertimana kertas biasa yang diperbuat daripada pulpa.

[40] Apa yang disahkan oleh SP1 adalah bahawa semua matawang Ringgit Malaysia berjumlah 3,000 keping dalam denominasi wang kertas 50 ringgit dan 100 ringgit adalah wang kertas yang sah dan tulin, bukan wang palsu. Benar seperti hujahan peguambela bahawa SP1 tidak ada menyebutkan wang-wang kertas tersebut mempunyai 'legal tender'. Adakah dengan menyebutkan wang kertas tersebut sah, tulin dan tidak palsu membawa maksud wang-wang kertas tersebut mempunyai 'legal tender' seperti tercetak pada setiap helaian wang kertas itu iaitu "Wang Kertas Ini Sah Diperlakuka Dengan Nilai". Pada pandangan saya sekiranya sesuatu wang kertas itu sah dan bukan wang kertas yang palsu ini sekaligus membawa erti bahawa wang kertas itu mempunyai 'legal tender'. Apa nilai 'legal tender' bagi setiap wang kertas tersebut adalah seperti tercetak pada helaian wang kertas tersebut, misalnya "Wang Kertas Ini Sah Diperlakukan Dengan Nilai RM50". Wang kertas yang mempunyai 'legal tender' adalah wang yang sah dan boleh diterima sebagai cagaran yang berharga. Mahkamah ini boleh dalam hal ini mengambil 'judicial notice' bahawa wang kertas 50 Ringgit dan wang kertas 100 Ringgit matawang Malaysia yang diakui sah oleh Pegawai Bank Negara (SP1) adalah wang kertas ataupun matawang yang mempunyai 'legal tender' kecuali dibuktikan sebaliknya oleh mereka yang mempertikaikan keesahan wang kertas tersebut.

[41] Saksi SP6 En Zairi bin Harun, yang merupakan Pengurus Operasi BIMB Foreign Currency Clearing Agency Sdn Bhd telah dipanggil untuk mengesahkan 847 keping matawang Dollar Singapura dan satu keping

matawang Dollar Brunei. Saksi telah mengesahkan bahawa kesemua matawang asing tersebut adalah sah (genuine), tidak palsu. Oleh itu wang kertas tersebut adalah mempunyai 'legal tender'. Sekiranya kesemua matawang Malaysia, Singapura dan Brunei tersebut tidak mempunyai 'legal tender' dan bukan matawang yang sah, tidak ada walau secebis penjelasan daripada perayu-perayu mengapakah mereka perlu memiliki sebegitu banyak matawang tersebut. Jika tiada nilai sah/ 'legal tender' mungkin telah lama wang-wang kertas tersebut dijual kepada pembeli surat khabar lama, untuk balut kacang putih atau terus dibuang kedalam tong sampah sahaja. Jika tiada 'legal tender' kenapa dalam rayuan ini memohon untuk matawang yang dilucuthakkan supaya dikembalikan kepada mereka. Saya tidak bersetuju dengan dapatan Puan Majistret apabila beliau memutuskan matawang tersebut mempunyai 'legal tender' memandangkan isu itu tidak timbul dalam soal-balas. Tetapi saya bersetuju bahawa semua matawang tersebut adalah sah dan mempunyai 'legal tender' berasas kepada keterangan SP1 dan SP6 dalam kes ini yang mengesahkan semua matawang tersebut adalah sah dan tidak palsu.

[42] Mengenai isu niat curang serta pengetahuan salah yang ditimbulkan oleh peguambela, saya bersetuju dengan hujahan balas pihak responden bahawa niat boleh dibuat inferen daripada keadaan keseluruhan fakta dan kejadian dalam kes ini. Dalam kes ini perayu kedua menyatakan beliau hendak pergi ke Pos Imigeresen di Tambak Johor yang kebetulan berada selepas Pondok Kastam untuk tujuan urusan persaraan beliau. Beliau turut menyatakan ada membawa dokumen persaraan dalam kotak hitam. Tetapi setelah diperiksa tiada terdapat dokumen yang berkenaan. Saksi SP4 menafikan perayu kedua ada memohon untuk keluar ke Pos Imigresen. Perayu kedua menyatakan beliau tidak bercadang untuk ke Singapura dan akan membuat pusingan-U selepas Pondok Kastam. Saksi-saksi pendakwaan menafikan terdapat pusingan-U di sana. Perayu kedua turut menyatakan bahawa beliau tidak ada membawa sebarang dokumen perjalanan untuk ke Singapura tetapi umum mengetahui bahawa seorang Pegawai Imigresen yang bertugas di sempadan mempunyai kad kuasa serta kebenaran khas untuk melintasi sempadan negara. Niat curang perayu-perayu terbukti terutama perayu kedua sebagai sorang Pegawai Imigresen yang mengetahui bahawa untuk membawa matawang keluar negara perlu membuat pengisytiharan dengan mengisi Borang IMM26 dan Borang TDF. Keadaan matawang yang dibungkus dengan rapi, dibalut dengan kertas plastik berwarna hitam dan kertas plastik berwarna merah menyebabkan matawang tersebut tidak boleh kelihatan tanpa bungkusan dibuka juga menunjukkan niat curang perayu-perayu. Pembelaan perayu-perayu ini satu kesilapan sukar diterima dan ianya satu pemikiran terkemudian. Apa perlunya kain dan makanan dibungkus sedemikian rupa dengan rapi seperti bungkusan matawang sedangkan tiada larangan eksport untuk kain dan makanan. Tindakan perayu-perayu mengemukakan bungkusan P49 yang serupa dengan P34 hanyalah satu

cubaan untuk menyatakan telah berlaku kesilapan. Mengenai perayu kedua tidak berasa takut dan tidak cuba melarikan diri tidak menunjukkan dia tiada pengetahuan salah. Matawang telah ditemui dan tiada peluang di sana untuk perayu kedua melepaskan dirinya kerana tempat itu sibuk dan jika melarikan diripun dia pasti akan ditangkap juga (lihat *Teh Hock Leong v. PP* [2010] 1 MLJ 741).

[43] Saya berpuashati dan bersetuju dengan dapatan Puan Majistret bahawa dalam kes ini perayu-perayu sememangnya sedar dan mempunyai niat untuk melakukan kesalahan cubaan mengelakkan larangan eksport dengan cuba membawa masuk matawang yang menjadi barang larangan ke negara Singapura. Faktor-faktor yang didapati oleh Puan Majistret daripada keterangan yang dikemukakan seperti di perenggan 13 dan 14 (m/s 29-30 dan m/s 31-32 Rekod Rayuan) penghakiman ini menjurus kepada satu inferen yang munasabah boleh dibuat iaitu perayu-perayu secara sedar dan dengan niat untuk melakukan kesalahan seperti yang dipertuduhkan. Saya bersetuju dengan dapatan Puan Majistret atas isu ini.

[44] Mengenai rayuan terhadap hukuman, peguambela tidak mengemukakan sebarang hujahan atas isu ini. Seksyen 135(1)(iii)(aa) Akta Kastam 1967 memperuntukkan hukuman denda yang minima sepuluh kali ganda daripada nilai barang larangan tersebut dan maksima 20 kali ganda atau penjara maksima tiga tahun atau kedua-duanya. Jika mengmbil kira nilai matawang yang dirampas yang disahkan RM361,996.22, maka perayu-perayu boleh dihukum denda minima RM3,619,962.20. Namun dalam kes ini Puan Majistret telah menjatuhkan ke atas perayu-perayu denda RM850,000 jika gagal 18 bulan penjara. Puan Majistret turut memerintahkan perlucuthakkan semua matawang yang dirampas. Tiada rayuan balas terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Puan Majistret dalam kes ini. Memandangkan terdapat keraguan samaada denda sepuluh kali ganda berasaskan kepada nilai 'legal tender' matawang ataupun nilai diri semua matawang kertas tersebut, maka saya tidak bercadang untuk mengganggu hukuman oleh Puan Majistret tersebut. Mengenai rampasan dan perlucuthakkan matawang tersebut, s. 127 Akta Kastam 1967 memperuntukkan mandatori bagi matawang tersebut dilucuthakkan.

[45] Sebagai kesimpulannya, atas alasan-alasan yang dihuraikan di atas, saya menolak rayuan perayu-perayu di sini. Sabitan dan hukuman serta perintah perlucuthakkan oleh Puan Majistret dengan ini dikekalkan.